

11hb Januari 2023

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

Lorong Produktiviti, Jalan Sultan,

46200 Petaling Jaya,

Selangor.

(u.p.: Nurul Syamimi binti Ismail)

Puan,

**PER: PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PERKHIDMATAN REKA BENTUK
DAN PERCETAKAN LAPORAN TAHUNAN MPC 2021.**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk,

2. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Puan kerana memberi peluang dan kepercayaan kepada syarikat **Percetakan Mesbah Sdn Bhd** bagi menjalankan kerja-kerja perkhidmatan merekabentuk dan mencetak **Buku Laporan Tahunan MPC 2021**.

3. Berhubung dengan perkara di atas, syarikat kami memohon maaf kerana tidak dapat menghantar dan menyiapkan seperti tarikh yang telah ditetapkan atas sebab-sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan.

4. Berikut adalah maklumat yang berkaitan serta status terkini dokumen tersebut :-

- No. Pesanan Pembelian : M-22000276
- Pembekal Perkhidmatan : Percetakan Mesbah Sdn Bhd
- Tarikh Surat Pesanan : 01/08/2022
- Tarikh Tamat Pesanan : 31/12/2022
- Status Terkini : Dalam proses kerja-kerja mengedit dan mengemaskini design teks serta kulit buku.
- Kos Tambahan : Terdapat pertambahan 170 muka surat (+ 20 m/s)

- a) Input keseluruhan diterima pada September 2022;
- b) Kelewatan penerimaan input versi Bahasa Inggeris yang memerlukan semakan semula oleh pihak MPC selepas diterjemah;
- c) Semakan perutusan pengerusi oleh Team Editorial dan kelulusan pihak Pejabat Pengerusi MPC; dan
- d) Kesukaran menyalin penyata kewangan seperti dalam sijil audit negara (versi yang diberi menyukarkan dan memakan masa reka bentuk laporan);

5. Menurut pesanan di atas, buku Laporan Tahunan MPC 2021 tersebut hendaklah dihantar sebelum atau pada **31hb Disember 2022**, walaubagaimana pun pihak kami tidak dapat menghantar buku pada tarikh tersebut kerana artwork dan design buku masih belum lagi difinalkan oleh pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

6. Sekiranya tiada lagi perubahan design serta layout ditekst dan juga dikulit buku barulah, pihak kami akan menghantar 1 naskhah buku mock-up untuk semakan bagi mendapatkan pengesahan (*endosement*) daripada pihak (MPC) sebelum proses seterusnya dapat dilaksanakan bagi mencetak buku tersebut.

7. Setelah kerja-kerja editing dibuat dan penyata kewangan dimasukkan ke dalam layout buku jumlah keseluruhan muka suratnya telah bertambah daripada muka surat asal yang dipohon oleh pihak Syarikat iaitu daripada 150 muka surat (asal) kepada 170 muka surat (baru). Dengan pertambahan sebanyak 20 muka surat tersebut, pihak kami ingin memohon **pertambahan harga** sebanyak **RM 4,000.00** (10 naskhah digital print & 120 naskhah offset) untuk buku tersebut kerana terdapat kos tambahan bagi kerja-kerja grafik iaitu layout dan design serta kos bahan mentah percetakan.

8. Selain itu, pihak kami masih menunggu jawapan daripada pihak Puan dalam pilihan reka bentuk kulit buku serta pembetulan layout teks yang masih belum difinalkan lagi. Oleh yang demikian, pihak kami ingin memohon jasa baik daripada pihak Puan untuk memberi sedikit masa lagi sehingga **akhir bulan Februari 2023** bagi menyiapkan buku tersebut.

9. Di sini, pihak kami ingin meminta jasa baik dan budi bicara daripada pihak Puan untuk mempertimbangkan permohonan kami ini dan diharap pihak Puan tidak akan serik untuk berurusan dengan syarikat kami untuk di masa akan datang dan masih di beri peluang untuk menyertai sebarang sebutharga di (MPC) pada masa yang akan datang.

Segala kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh pihak Puan kepada pihak kami amatlah di hargai dan ribuan terima kasih di ucapkan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
PERCETAKAN MESBAH SDN BHD



.....
MESBAH BTE HJ. MAT ZAIN
Pengarah